

CNS2302

R GB 04-06 00159 BA276

AAB

Mahathir

MALAYSIA AKAN TERUS LANTANG DI FORUM ANTARABANGSA DEMI KEADILAN

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Malaysia akan terus menuarakan pandangannya di forum antarabangsa secara terang dan berani demi keadilan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Katanya, suara lantang Malaysia bukanlah bertujuan untuk menonjolkan diri tetapi semata-mata berpegang kepada soal prinsip.

"Malaysia akan terus menentang ketidakadilan, kekejaman dan usaha-usaha mengkilas tangan negara-negara yang lemah," katanya dalam ucapan tahniah dan ikrar taat setia di majlis menghadap sempena ulangtahun keuteraan ke-72 Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar, di Istana Negara.

Di bidang ekonomi pula, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan sentiasa berusaha mewujudkan iklim yang sesuai untuk perniagaan dan pelaburan di samping mengawal inflasi.

Katanya, sektor swasta yang menjadi penggerak utama pertumbuhan ekonomi perlu membuat pelaburan di luar negeri untuk faedah jangka panjang dan tidak harus lagi melihat prospek pelaburan di dalam negeri sahaja. -- Lagi.

▼04/06/10-44MST

CNS2306

R GB 04-06 00151 BA278

AAB

Mahathir 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Malaysia akan terus mencapai kejayaan yang lebih besar jika dapat meningkatkan kelebihan bersaingnya dan sudah ada percubaan oleh Barat untuk menghapuskan kelebihan kos buruh yang rendah di sini.

"Kelebihan bersaing yang ada pada kita ialah kos buruh yang rendah. Oleh itu, amat perlu kos buruh dipastikan tidak meningkat tetapi pendapatan mereka meningkat melalui kenaikan produktiviti," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir memberi jaminan bahawa kerajaan dan ahli-ahli Jemaah Menteri akan berusaha membantu Seri Paduka Baginda berdua dalam menjalankan tugas-tugas.

Adalah menjadi harapan kerajaan dan rakyat semoga Seri Paduka dapat menjalankan tugas-tugas dengan penuh adil dan saksama mengikut lunas-lunas undang-undang dan peruntukan perlembagaan, katanya.

Malaysia kini menikmati keadaan aman damai hasil usaha rakyat berbilang kaum untuk mengekalkan perpaduan dan persefahaman antara satu sama lain untuk menjamin negara akan tetap stabil dan aman. -- Bernama.

TCL KAM.